

# 'Kudung kaki tak halang impian jejak menara gading'

**Putrajaya:** Kudung kaki kanan sejak berusia lapan tahun akibat barah tulang tidak menghalang J Kanimoly, 20, mencapai impian belajar sehingga ke menara gading.

Anak kelahiran Johor yang memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PGNK) 3.58 dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan bergerak menggunakan kaki palsu antara 28 calon Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berjaya memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

"Saya bersyukur menerima tawaran Ijazah Pengajian Pengguna di Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan yuran pengajian RM20,000 ditanggung sepenuhnya kerajaan. Walaupun sukar berjauhan dengan ibu bapa, saya nekad berdikari demi mengejar cita-cita menjadi pegawai bank," katanya.

## **Sebanyak 48 penerima anugerah kecemerlangan**

Beliau antara 48 penerima anugerah kecemerlangan disampaikan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada majlis 'Impianku Ke Menara Gading' bagi lepasan STPM, matrikulasi dan pusat asasi, di sini, semalam.

Anak FELDA, Mohamad Helmi Ramli, 20, dari Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan pula menyifatkan tawaran melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu (Bahasa Melayu), Universiti Malaya (UM) bukti kerajaan tidak meminggirkan penduduk luar bandar termasuk masyarakat FELDA.

Pasangan kembar, Amirul Ashraf Nasarudin dan Aiman Ashraf, 20, yang mendapat PGNK 4.0, tidak menyangka impian mereka melanjutkan pengajian perubatan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) bersama akan menjadi kenyataan selepas berpisah setahun kerana masing-masing belajar prauniversiti di pusat berlainan.

Sementara itu, Khaled berkata, 13,484 pelajar luar bandar berjaya mendapat tempat di IPTA dan kementeriannya memperuntukkan RM4.3 juta bagi membantu 887 OKU di IPTA dan IPTS tahun ini.

Mengenai nasib 17 pelajar Malaysia di Universiti Iowa State, Amerika Syarikat yang menjadi mangsa kebakaran, baru-baru ini, Khaled berkata, pihaknya sudah menghulurkan bantuan kecemasan dan memberi jaminan kejadian itu tidak akan menjejaskan pengajian mereka.